

PM nafi lantik Ali Abul Hassan

BH 24 JAN 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan spekulasi pelantikan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, berita pelantikan Ali Abul Hassan itu cuma spekulasi media.

Malah, Dr Mahathir berkata, beliau sendiri belum memikirkan perkara itu.

"Ya...saya rasa pihak media mesti lebih tahu daripada saya. Saya tak tahu," katanya menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini petang ini.

Laporan agensi berita asing baru-baru ini menyebutkan kemungkinan pelantikan Ali Abul Hassan sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Ali Abul Hassan kini adalah penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri.

Awal bulan ini, Dr Mahathir menyatakan bahawa beliau masih memerlukan seorang Menteri Kewangan atau sekurangnya Menteri Kewangan Kedua bagi membantunya menguruskan ekonomi negara.

Dr Mahathir turut menafikan laporan sebuah majalah perniagaan serantau kononnya beliau membawa seorang bekas menteri daripada penjara untuk oertemuan selama sejam mengenai perdamaian politik semasa perjalanan kereta di Lebuhraya Karak.

"Sebenarnya, saya ingin memberitahu anda bahawa saya tidak membawa kenderaan pacuan empat roda dengan seseorang ke Lebuhraya Karak.

"Saya fikir orang ini tidak harus mengendalikan sebarang majalah atau akhbar sama sekali jika mereka begitu kering dengan berita (sehingga) mereka terpaksa mereka-reka cerita," katanpa..

Perdana Menteri yang terus ditanya mengenai pelantikan Menteri Kewangan Kedua, Dr Mahathir berkata: "Anda boleh memutuskan sendiri".

Apabila ditanya apakah berita itu direka semata-mata, beliau secara sinis menjawab:

"Anda boleh memutuskan sendiri. Maksud saya, saya menjangka orang akan lebih bijak tetapi jika mereka bodoh apa yang akan boleh saya buat."